

SOALAN NO: 56

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**
TARIKH : **KHAMIS, 27 JULAI 2017**
RUJUKAN : **L1 [PR-1352-L01962]**
SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci mengenai tanah-tanah DBKL yang dijual sepanjang 2016 hingga sekarang meliputi luasannya, lokasi, harga jualan, kegunaan sekarang, projek pembangunan yang dirancangkan ke atas setiap lot tanah dan namakan pembeli-pembelinya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, di sepanjang tahun 2016 hingga 14 Julai 2017, sebanyak 15 perjanjian penjualan tanah milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dimuktamadkan. Jumlah keseluruhan tanah berkenaan adalah seluas 66.93 ekar dengan harga jualan keseluruhannya berjumlah RM331.6 juta.

Tanah-tanah yang telah dijual ini akan dibangunkan dengan pembangunan yang bersesuaian dengan guna tanah dan potensi tanah berkenaan. Daripada 15 perjanjian penjualan tanah berkenaan, 10 projek akan dibangunkan dengan pembangunan perumahan termasuk pembangunan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP). Selebihnya, pelbagai inisiatif pembangunan seperti ruang perniagaan, perdagangan dan pangsapuri servis akan dilaksanakan.